

## BAB 1

### LATAR KAJIAN

#### 1.1. PENGENALAN.

Kajian ini bertujuan mengkaji kemahiran berbahasa di kalangan pelajar sekolah pada peringkat menengah atas, khususnya dalam aspek kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu. Aspek yang dikaji ini dilihat penting kerana kajian ini berasaskan kepada kenyataan bahawa bahasa adalah sebagai alat untuk berkomunikasi, berfikir dan melahirkan buah fikiran (Jais sahok, 1988:664). Selain itu, kajian ini dilakukan juga kerana sudah hampir empat dasawarsa bahasa Melayu itu menjadi bahasa pengantar utama dalam alam pendidikan di peringkat sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi di Malaysia. Justeru, sudah sewajarnya pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di alam pendidikan di peringkat sekolah di Malaysia secara amnya dan khasnya kemahiran penulisan karangan dinilai dan disemak semula.

Umumnya, semua pihak telah sedia maklum bahawa bahasa Melayu di alam pendidikan semakin hari semakin diperkukuhkan atau dimantakan. Usaha-usaha pengukuhan dan pemantapan ini telah bermula sejak Laporan Razak 1956, Laporan Rahman Talib 1960 dan Akta Pendidikan 1996. Pengukuhan dan pemantapan ini bukan sahaja melibatkan aspek dasar dan perundangan tetapi usaha-usaha pengukuhan dan pemantapan ini juga meliputi aspek-aspek lain seperti penerbitan kamus tatabahasa, penerbitan kamus istilah, serta rancangan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dengan bahasa Melayu merentas kurikulum.

Penerbitan kamus tatabahasa bahasa Melayu telah memperlihatkan usaha yang bersungguh-sungguh dengan lahirnya **Pelita Bahasa** oleh Za'ba (1962), **Tatabahasa Bahasa Melayu** oleh Arbak Othman (1984), **Kunci Bahasa Malaysia** oleh Awang Sariyan, **Nahu Melayu Mutakhir** oleh Asmah Hj. Omar (1980), **Tatabahasa Pegangan** oleh Raja Mukhtaruddin Dain, **Tatabahasa Dinamika** oleh Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, dan **Tatabahasa Dewan Edisi Baharu** (1996). Penerbitan kamus tatabahasa bahasa Melayu ini adalah untuk mengelakkan timbulnya kekusutan berkaitan aturan tatabahasa bahasa Melayu. Usaha penerbitan kamus tatabahasa ini tidak hanya dilihat sebagai usaha untuk menjelaskan aturan tatabahasa bahasa Melayu semata-mata tetapi penerbitan kamus tatabahasa ini juga merupakan usaha untuk memantapkan bahasa Melayu. Keadaan ini dilihat sebagai usaha untuk meningkatkan keyakinan terhadap bahasa Melayu.

Sementara itu, penerbitan kamus-kamus istilah juga memperlihatkan satu usaha yang begitu giat dilaksanakan. Pelbagai kamus istilah telah diterbitkan oleh pihak yang bertanggung jawab. Penerbitan kamus istilah ini meliputi pelbagai disiplin ilmu moden seperti fizik, kimia, kejuruteraan, ekonomi, perubatan, dan sebagainya. Penerbitan kamus istilah ini dapat dilihat sebagai usaha untuk memajukan bahasa Melayu. Selain itu, penerbitan kamus istilah juga adalah untuk membolehkan bahasa Melayu digunakan dengan baik sejajar dengan perkembangan dunia moden.

Kenyataan-kenyataan di atas sudah cukup untuk menjelaskan tentang usaha yang dilakukan dan iltizam yang ditunjukkan untuk meningkatkan dan memantapkan bahasa

Melayu. Segala usaha dan iltizam ini memang sudah sewajarnya kerana bahasa Melayu adalah bahasa rasmi bagi Persekutuan Malaysia. Selain itu, bahasa Melayu juga merupakan alat untuk menyatupadukan bangsa Malaysia. Seterusnya, apa yang lebih penting di sini ialah usaha-usaha yang dilakukan itu merupakan usaha-usaha yang boleh dianggap dan dilihat sebagai usaha untuk memastikan kelangsungan bahasa Melayu dalam perkembangan dunia moden. Oleh demikian, seharusnya pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah diteliti dan disemak semula. Ini kerana pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah merupakan usaha di peringkat paling asas yang dapat memastikan bahasa Melayu sebagai bahasa Rasmi Persekutuan Malaysia itu mantap dan menjadi alat untuk menyatupadukan rakyat Malaysia. Selain itu, pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah juga dapat memastikan bahasa Melayu menjadi sarana penyampaian fikiran dalam dunia moden sama ada dalam komunikasi lisan atau tulisan dengan menampilkan keberkesanan atau kepaduan makna dan memperlihatkan ciri-ciri keindahan.

Kesimpulan yang dapat dibuat dan dijelaskan di sini bahawa usaha-usaha yang dilakukan dan iltizam yang ditunjukkan pada peringkat tinggi seperti usaha pengubalan dasar, penerbitan kamus tatabahasa, dan penerbitan kamus istilah tersebut tidak akan memberikan apa-apa kesan seperti yang diharapkan selagi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah tidak diberikan perhatian. Ini kerana usaha dan iltizam pada peringkat tinggi itu memerlukan pentas untuk menjayakannya. Sudah tentu pentas untuk menjayakan usaha dan iltizam tersebut ialah sekolah. Ini bermakna pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah hendaklah dilihat

sebagai alat untuk menyatupadukan bangsa Malaysia. Selain itu, pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah juga harus dilihat sebagai wadah yang paling efektif untuk merealisasikan segala usaha dan iltizam untuk membina individu-individu yang cekap menggunakan bahasa Melayu bagi melahirkan buah fikiran secara lisan atau bertulis dengan berkesan dan menampilkan ciri-ciri keindahan. Pada akhirnya, pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah juga merupakan wadah terbaik untuk menjamin kelangsungan bahasa Melayu.

## **1.2 PERNYATAAN MASALAH.**

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah didapati berjalan dengan mantap. Keadaan ini adalah kerana ia telah dibantu dengan usaha-usaha permantapan dalam pelbagai aspek seperti aspek akta bahasa, kaedah pengajaran, perkamusan, tatabahasa, pembinaan istilah, dan aspek-aspek lain. Usaha-usaha yang dijalankan ini adalah cukup membanggakan. Dengan ini, segala usaha yang dilaksanakan ini akan dapat melahirkan para pelajar yang mempunyai keterampilan dalam penggunaan bahasa Melayu secara berkesan dengan memperlihatkan kepaduan makna dan menampilkan ciri-ciri keindahan. Kejayaan melahirkan pelajar sedemikian bermakna akan melahirkan ahli masyarakat yang akan menggunakan bahasa Melayu dengan berkesan dalam kehidupan sehari-hari.

Selain itu, usaha-usaha yang dilaksanakan ini juga bukan hanya dapat membantu pengajaran dan pemelajaran bahasa Melayu di sekolah menjadi mantap tetapi ia juga dapat menjadikan bahasa Melayu sebagai sarana untuk memperkatakan pelbagai disiplin ilmu moden yang seterusnya dapat mengangkat martabat bahasa Melayu. Namun begitu, hal tersebut hanya pada keadaan idealnya sahaja dan pada keadaan sebenarnya tidaklah sedemikian. Ini adalah kerana pada hakikatnya wujud berbagai-bagai kelemahan berkaitan penggunaan bahasa Melayu.

Kelemahan-kelemahan berkaitan penggunaan bahasa Melayu dapat dibaca menerusi tulisan-tulisan akademik mahupun menerusi laporan akhbar. Salah satu contohnya ialah kegagalan para pelajar mendapat pangkat satu dalam Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 1980 yang disebabkan oleh kegagalan pelajar-pelajar ini mendapat kepujian dalam mata pelajaran bahasa Melayu (Jurnal Dewan, 1981). Selain itu, terdapat laporan akhbar yang melaporkan tentang kesalahan-kesalahan penggunaan bahasa Melayu di papan-papan iklan (Utusan Malaysia, 1997:2 Disember). Seterusnya, kelemahan-kelemahan tersebut juga dapat dikesan menerusi kesalahan penggunaan bahasa Melayu dalam akhbar, majalah dan televisyen yang berlaku dengan ketara. Malah, apa yang sungguh menyedihkan lagi ialah para pelajar yang mendapat pendidikan bahasa Melayu secara formal di sekolah masih membuat kesalahan yang ketara dalam aspek ejaan, tatabahasa dan struktur ayat. Malah, mereka gagal menampilkan penulisan yang berkesan. Kelemahan-kelemahan ini ditambah lagi dengan adanya banyak rungutan yang memperlihatkan keraguan terhadap keupayaan bahasa Melayu sebagai sarana dalam bidang sains teknologi (Hashim Musa, 1996). Keraguan-keraguan terhadap keupayaan

bahasa Melayu ini juga dapat ditemui secara berleluasa menerusi penggunaan “bahasa rojak”, iaitu penggunaan bahasa Melayu yang diselang-selikan dengan bahasa Inggeris dalam dialog-dialog di radio dan di televisyen. Penggunaan bahasa Melayu yang diselang-selikan dengan penggunaan bahasa Inggeris ini menggambarkan seolah-olah bahasa Melayu tidak dapat mengungkapkan konsep yang ingin diperkatakan.

Kelemahan-kelemahan yang berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu seperti yang telah diperkatakan di atas memerlukan usaha dan tindakan yang segera. Usaha dan tindakan yang paling asas untuk dilaksanakan adalah menerusi semakan semula terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu pada peringkat sekolah. Oleh demikian, seperti yang disebutkan pada awal-awal lagi bahawa kajian ini berusaha meneliti dan mengkaji kemahiran berbahasa, khususnya pada aspek kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu peringkat menengah atas di kalangan pelajar sekolah. Tumpuan khusus kajian ini pada aspek kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu ini kerana aspek ini juga merupakan aspek yang penting dalam memperlihatkan kemahiran berbahasa bagi seseorang. Lagi pun, aspek yang dikaji ini juga berkait rapat dengan aspek pengajaran dan pembelajaran tersebut. Ini kerana hasil penulisan karangan itu merupakan produk daripada pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu tersebut.

Penelitian dan semakan terhadap aspek kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu pada peringkat sekolah ini juga dilakukan adalah kerana kajian ini melihat kemahiran penulisan merupakan *wadah penting untuk menyampaikan idea, fikiran, pengetahuan dan maklumat* (Normah Abdullah dan Che Mohd Arif Che Mohd Yusoff,

1996: hlm. 1033). Selain itu, kajian ini dilakukan kerana masih lagi terdapat banyak kelemahan yang ditemui dalam kemahiran penulisan pelajar sekolah, malah masyarakat Malaysia yang telah mendapat pendidikan formal di sekolah juga melakukan kesalahan bahasa dengan ketara. Kelemahan penggunaan bahasa Melayu, khususnya pada aspek penulisan di kalangan para pelajar dan masyarakat Malaysia ini dapat dibuktikan dengan penjelasan oleh Awang Mohamad Amin ( 1990: hlm. 10 ), iaitu:

*Masyarakat Malaysia pada masa ini yang lazimnya menggunakan bahasa tulisan, iaitu bahasa Malaysia adalah terdiri daripada orang-orang yang pernah bersekolah dan pernah belajar bahasa Malaysia. Dengan itu kesalahan bahasa yang dilakukan itu sedikit sebanyak dapat juga menggambarkan mutu kemahiran bahasa tulisan yang dimiliki oleh golongan pelajar di negara ini.*

Selain itu, penelitian kajian ini terhadap aspek kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu pada peringkat sekolah bukanlah hanya bersandarkan pada alasan dan kelemahan penggunaan bahasa Melayu seperti yang telah dijelaskan di atas. Tetapi secara tidak langsung penelitian kajian ini terhadap aspek kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu pada peringkat sekolah turut meneliti kelemahan yang wujud pada aspek pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu di bilik-bilik darjah. Kelemahan pada aspek pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan bahasa Melayu di bilik-bilik darjah ini adalah kerana ia tidak menekankan penulisan yang melebihi batas satu ayat. Selain itu, *pelajar sekolah menengah juga tidak*

*diajarkan proses menulis yang dapat mengembangkan teks linguistik dengan memperlihatkan pertautan semantik atau makna antara deretan ayat dan antara deretan perenggan ( Khatijah Abdul Hamid, 1996 ).* Kelemahan aspek pengajaran dan pembelajaran inilah yang menjadi faktor penyumbang kepada kelemahan-kelemahan penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar, khususnya dalam kemahiran penulisan karangan. Secara tidak langsung keadaan ini mempengaruhi kemahiran berbahasa masyarakat, khasnya dalam aspek penulisan yang berkesan. Namun begitu, ada di kalangan pelajar yang tidak didedahkan dengan penulisan yang dapat mengembangkan teks linguistik tersebut masih dapat menulis dengan baik tetapi hakikatnya para pelajar tersebut tidak menguasai ilmu penulisan yang mantap, iaitu penulisan yang dapat mengembangkan teks linguistik. Justeru itu, para pelajar tersebut tidak mampu menulis dengan baik secara konsisten.

Seterusnya, daripada pemerhatian dan temu bual secara tidak formal dengan guru-guru bahasa Melayu yang mengajar pada peringkat menengah atas ini, pengkaji mendapati ada di kalangan guru-guru bahasa Melayu ini mengamalkan kaedah pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu di bilik-bilik darjah secara tidak membina dan tidak efektif. Ini kerana ada di kalangan guru-guru ini mengambil contoh-contoh karangan daripada buku-buku "Latihan Intensif"<sup>1</sup> dan mengkehendaki para pelajar menyalin contoh-contoh karangan yang diambil itu sebagai latihan. Ini dilakukan secara kerap kali. Dengan latihan yang sedemikian, guru-guru ini berpendapat ia akan meningkatkan kemahiran penulisan bahasa Melayu para pelajar.

---

<sup>1</sup> Buku Latihan Intensif ini adalah sebagai satu istilah yang merujuk kepada buku-buku kerja atau bimbingan mengarang yang ada di pasaran.



Pendapat guru-guru ini mungkin ada benarnya tetapi kaedah tersebut haruslah dilaksanakan secara minimum. Apa yang lebih utama adalah pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan bahasa Melayu itu harus dapat memberikan ilmu dan menunjukkan para pelajar tentang cara-cara atau kaedah untuk menghasilkan penulisan karangan bahasa Melayu yang berkesan dan memperlihatkan kepaduan makna.

Bimbingan yang diberikan kepada para pelajar sewaktu pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan bahasa Melayu di bilik darjah juga terhadap aktiviti mencari isi atau maklumat. Kemudiannya, aktiviti ini diikuti dengan perbincangan isi, atau maklumat yang diperolehi. Selepas itu, bimbingan diberikan pada aspek penulisan karangan dan tumpuannya hanya pada aspek binaan karangan seperti bahagian pendahuluan, isi, dan kesimpulan. Sementara aspek-aspek yang lebih penting seperti penulisan yang bertautan, penulisan yang memperlihatkan kepaduan makna, pengembangan isi berdasarkan proposisi, idea terpenting, serta topik pembicaraan tidak disentuh secara sedar di dalam bilik darjah. Aspek-aspek yang tidak disentuh ini sebenarnya amat penting kerana aspek-aspek ini dapat membantu ke arah pembentukan kemahiran penulisan dan penghasilan penulisan karangan bahasa Melayu yang baik seperti yang ditetapkan oleh skema pemarkahan<sup>2</sup> karangan bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Dalam skema tersebut, karangan yang dikategorikan sebagai karangan yang cemerlang atau baik adalah karangan yang mempunyai isi yang mencukupi, isi yang dapat dikembangkan dengan baik, serta

---

<sup>2</sup> Skema Pemarkahan dalam kajian ini merujuk kepada Skema Pemarkahan 1103/1 1998 bagi Peperiksaan Percubaan oleh Jabatan Pendidikan Melaka. Skema ini adalah salinan daripada skema yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Skema ini tidak dilampirkan kerana skema ini merupakan dokumen sulit.

mempunyai huraian yang matang. Ciri-ciri ini secara langsung berkaitan dengan aspek-aspek atau kriteria-kriteria tautan, kepaduan makna, topik pembicaraan, penulisan berdasarkan proposisi dan idea terpenting tersebut. Namun begitu, pengkaji mendapati bahawa kriteria-kriteria penting ini tidak dapat ditanggapi oleh guru bahasa Melayu di bilik darjah dengan baik. Ini kerana mereka tidak terdedah kepada ilmu analisis wacana. Kemungkinan semasa guru-guru ini mengajar kemahiran penulisan karangan ada elemen-elemen analisis wacana ini tetapi oleh kerana ilmu analisis wacana ini tidak dipelajari disebabkan jurusan yang dipelajari di universiti bukan jurusan linguistik maka ilmu ini tidak dapat disampaikan dengan sempurna kepada para pelajar. Sebaliknya, guru-guru tersebut hanya menumpukan perhatian pada aspek-aspek seperti ejaan, tanda bacaan, serta struktur ayat yang terdiri daripada ayat tunggal dan ayat majmuk. Aspek-aspek lain yang menjadi perhatian oleh guru-guru tersebut seperti aspek jenis ayat yang terdiri daripada ayat aktif dan ayat pasif serta penggunaan imbuhan. Oleh demikian, tidak hairanlah para pelajar masih tidak menguasai dan memperolehi ilmu serta kaedah kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu yang berkesan dan memperlihatkan kepaduan makna di sekolah atau semasa pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu. Jika ada guru-guru yang sedar akan kepentingan analisis wacana ini dalam penulisan karangan bahasa Melayu tetapi ia tidak diberikan penekanan yang cukup. Ini jelas dengan kenyataan oleh Mohd Isa Osman ( 1995:5 ), iaitu ***"Sebenarnya, guru-guru bahasa sedar tentang kepentingan wacana dalam kemahiran menulis karangan, tetapi penekanan terhadap kepentingannya dalam pengajaran kurang mencukupi."***

Kelemahan-kelemahan penggunaan bahasa Melayu di kalangan para pelajar, dan secara langsung di kalangan masyarakat serta kelemahan-kelemahan yang wujud pada aspek pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu pada peringkat sekolah yang dibincangkan telah menimbulkan banyak persoalan. Oleh itu, sewajarnya kajian ini meneliti secara lebih dekat lagi aspek kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu ini dan secara langsung kajian juga akan menyentuh sedikit aspek pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu pada di sekolah, khususnya pada peringkat menengah atas.

### **1.3 BIDANG DAN SKOP KAJIAN.**

Kajian ini merupakan satu kajian linguistik terapan. Secara khususnya, kajian ini berasaskan pendekatan wacana. Aspek-aspek dalam pendekatan wacana yang dijadikan asas dalam kajian ini mencakupi aspek tautan atau kohesi, kepaduan makna atau koherensi, topik pembicaraan, idea terpenting, dan penulisan berdasarkan proposisi. Berasaskan aspek-aspek tersebut, kajian akan cuba meneliti kaedah pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu di peringkat sekolah, khususnya peringkat menengah atas. Di samping itu, aspek-aspek ini juga akan dijadikan asas untuk penelitian dan semakan ke atas hasil penulisan karangan bahasa Melayu para sampel .

Sampel dalam kajian ini terdiri daripada para pelajar Tingkatan Lima Sekolah Menengah Kebangsaan Nyalas, iaitu salah sebuah sekolah luar bandar di daerah Jasin, iaitu di negeri Melaka. Hasil-hasil penulisan karangan bahasa Melayu sampel ini dikutip dan diteliti berdasarkan aspek-aspek tertentu dalam pendekatan wacana tersebut. Hasil-hasil penulisan karangan bahasa Melayu sampel yang dikutip dan diteliti dalam kajian ini merupakan hasil penulisan karangan bahasa Melayu yang ditulis oleh sampel untuk peperiksaan percubaan Sijil Pelajaran Malaysia bagi tahun 1998 yang telah dijalankan serentak di seluruh negeri Melaka.

Jumlah sampel dalam kajian ini adalah seramai lapan puluh orang yang dibahagi kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan Sampel Wawasan, dan kumpulan Sampel Konvensional<sup>3</sup>. Ini bermakna terdapat empat puluh buah hasil penulisan karangan bahasa Melayu bagi Sampel Wawasan dan empat puluh buah hasil penulisan karangan bahasa Melayu bagi Sampel Konvensional yang dikumpul untuk penelitian dalam kajian ini. Namun begitu, hasil penulisan karangan bahasa Melayu yang dikumpul adalah terhadap pada jenis karangan perbincangan sahaja. Ini bermakna bagi tujuan kajian ini tidak semestinya terdapat lapan puluh buah hasil karangan yang akan diteliti kerana ia bergantung kepada berapa ramai sampel yang menjawab karangan jenis perbincangan tersebut. Bagi mengatasi masalah pilihan soalan oleh para pelajar, iaitu kurangnya para pelajar menjawab soalan jenis perbincangan, kajian juga akan memilih penulisan karangan para pelajar yang mengandungi perbincangan walaupun jenis soalan yang dijawabnya itu bukan soalan jenis karangan perbincangan.

Sementara itu, aspek-aspek dalam pendekatan wacana yang dijadikan asas dalam meneliti dan menyemak hasil penulisan karangan bahasa Melayu sampel dalam kajian ini adalah juga dihadkan skopnya. Antaranya seperti, aspek tautan dalam kajian ini hanya tertumpu pada tautan leksikal dan gramatikal<sup>4</sup>. Aspek kepaduan makna pula tertumpu pada kepaduan makna perenggan, antara perenggan dan keseluruhan hasil penulisan karangan. Aspek topik dalam kajian ini juga hanya dihadkan pada konsep topik pembicaraan sahaja. Sementara aspek idea pula hanya merujuk idea terpenting. Ini bermakna hasil penulisan karangan bahasa Melayu sampel akan diteliti dan disemak berdasarkan tumpuan atau skop tersebut sahaja. Sewaktu penelitian dan semakan tersebut, kajian akan juga meneliti perkembangan idea terpenting yang berdasarkan proposisi. Ini bermaksud perkembangan idea dalam hasil penulisan karangan sampel tersebut akan dilihat sama ada dikembangkan menurut kemahiran penulisan berdasarkan proposisi atau tidak.

Aspek tautan leksikal dalam kajian ini juga hanya merujuk kepada pemilihan leksis yang digunakan sama ada sesuai atau tidak dalam menautkan subjek dalam deretan ayat atau perenggan. Sementara tautan gramatikal pula merujuk kepada pemilihan leksis secara bersesuaian untuk pertautan wacana yang akan merangkumi pertautan antara ayat dahulu dengan ayat yang mengikutinya, antara perenggan dahulu dengan perenggan baharu serta idea terpenting yang awal dengan idea terpenting yang berikut.

---

<sup>3</sup> Rujuk 1.5 untuk penjelasan tentang pemilihan nama bagi kumpulan sampel.

<sup>4</sup> Rujuk 3.2 untuk maksud tautan leksikal dan gramatikal dalam kajian ini.

Leksis yang memikul fungsi wacana, iaitu leksis yang digunakan untuk tujuan proses menggabungkan ayat dalam ayat gabungan dan pemancangan dalam ayat pancangan tidak termasuk dalam pemerhatian aspek tautan leksikal dalam kajian ini. Hal ini kerana para pelajar memang telah sedia diajar dengan leksis yang memikul fungsi wacana seperti untuk penggabungan, dan pemancangan ayat menerusi pengajaran dan pembelajaran tatabahasa seperti binaan ayat, dan struktur ayat bahasa Melayu.

Penelitian kehadiran leksis untuk tujuan tautan leksikal dan gramatikal akan hanya mengambil kira kehadiran leksis yang sesuai dan betul untuk tujuan tersebut. Ini bermakna jika kehadiran leksis untuk tujuan tersebut dalam hasil penulisan karangan bahasa Melayu sampel tidak sesuai, ia akan dianggap salah atau tidak betul. Penetapan ini penting bagi mengukur keupayaan para pelajar dalam kedua-dua sampel tersebut untuk menghasilkan penulisan karangan bahasa Melayu yang bertautan secara betul.

Selain itu, ketetapan terhadap hasil penulisan karangan yang mempunyai kepaduan makna pula hanya akan dinilai pada keupayaan sampel menautkan subjek, ayat demi ayat, idea-idea terpenting dan deretan perenggan secara betul dan rapi sehingga menghasilkan sebuah perenggan atau keseluruhan karangan yang mempunyai kepaduan makna yang jelas dan mantap.

Penelitian terhadap aspek idea terpenting pula akan menumpukan kepada usaha menjumlahkan idea-idea terpenting dalam hasil penulisan karangan sampel. Setiap idea terpenting yang ada dalam hasil penulisan karangan sampel tersebut akan diteliti

sama ada dapat dikembangkan dalam keadaan bertautan atau sebaliknya. Sementara itu, dalam penelitian terhadap idea terpenting ini, kajian secara langsung juga akan meneliti sama ada proses perkembangan idea terpenting mengikut aspek penulisan berdasarkan proposisi atau ia berkembang secara wewenang. Secara tidak langsung, kajian juga akan dapat meneliti sama ada deretan ayat dan perenggan dalam hasil penulisan karangan itu berpaksi pada satu topik pembicaraan atau mempunyai berbagai-bagai topik pembicaraan. Dengan penelitian ini, kajian akan dapat menilai sama ada sesebuah perenggan atau keseluruhan karangan itu mempunyai kepaduan makna atau tidak. Perenggan yang mempunyai makna adalah perenggan yang dapat mengembang idea-idea terpenting dengan tautan yang rapi dan memperlihatkan pula satu proses perkembangan yang jelas. Sementara sesebuah hasil karangan yang dianggap tidak mempunyai kepaduan makna adalah hasil penulisan karangan yang mempunyai perenggan yang tidak bertautan atau mempunyai topik pembicaraan yang berbagai-bagai antara satu perenggan dengan perenggan yang lain.

Huraian-huraian di atas menjelaskan bidang dan skop kajian ini. Berdasarkan bidang dan skop tersebut, hasil penulisan karangan bahasa Melayu sampel akan diteliti dan disemak. Penelitian dan semakan tersebut akan memberikan kesimpulan sama ada aspek-aspek dalam pendekatan wacana yang dijadikan asas kajian boleh diterima atau sebaliknya sebagai satu kriteria baru untuk dipertimbangkan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu di peringkat sekolah, khususnya pada peringkat menengah atas.

#### 1.4 MATLAMAT DAN OBJEKTIF KAJIAN.

Kajian ini akan menyemak dan membuat analisis terhadap kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu pelajar sekolah menengah pada peringkat menengah atas berasaskan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini sebagai kajian kuantitatif kerana hasil dan kesimpulan kajian ini adalah berdasarkan angka dan peratusan. Sementara itu, kajian ini juga bersifat kualitatif kerana dapatan dan kesimpulannya dapat menjelaskan keupayaan kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu kedua-dua kumpulan sampel. Seterusnya, hasil kajian ini juga dapat menjelaskan tentang kekuatan kriteria yang ingin dicadangkan sebagai satu pembaharuan dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu pelajar sekolah pada peringkat menengah atas.

Matlamat kajian ini adalah untuk menilai keupayaan kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu pelajar sekolah pada peringkat menengah atas dari aspek penulisan yang mempunyai kepaduan makna dan memperlihatkan seni penulisan yang baik. Secara khusus, kajian ini mempunyai tiga objektif utama, iaitu:

- a. **menilai keupayaan dan kemahiran sampel wawasan dalam mengembangkan teks-teks menjadi sebuah perenggan yang utuh berdasarkan kriteria yang ditetapkan, iaitu tautan, kepaduan makna, topik pembicaraan, idea terpenting, dan proposisi.**



- b. Menilai keupayaan dan kemahiran sampel konvensional dalam mengembangkan teks-teksnya menjadi sebuah perenggan yang utuh berdasarkan kriteria tautan, kepaduan makna, topik pembicaraan, idea terpenting, dan proposisi.**
  
- c. Menentukan sejauh manakah kebaikan kriteria yang digunakan dalam kajian ini boleh diangkat sebagai satu cara yang berkesan untuk melahirkan pelajar yang mahir dalam penulisan karangan bahasa Melayu dan seterusnya boleh didedahkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu di peringkat sekolah.**

Matlamat dan objektif kajian yang dinyatakan tersebut akan menjadi panduan sepanjang penelitian ke atas hasil penulisan karangan sampel. Apa yang digariskan dalam matlamat dan objektif tersebut akan dapat dilihat pada peringkat penganalisisan data dan maklumat.

## 1.5 METODOLOGI KAJIAN.

Kajian ini bermula dengan mengenal pasti permasalahan yang wujud. Untuk itu, pemerhatian dan temu bual secara tidak formal ke atas guru-guru bahasa Melayu akan dilakukan. Temu bual dilakukan bagi mendapatkan gambaran secara lebih jelas tentang proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu yang dilaksanakan di bilik-bilik darjah. Kemudian untuk mendapatkan bukti yang lebih kukuh terhadap proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu di peringkat sekolah ini, soal selidik secara rambang ke atas para pelajar sekolah akan digunakan. Hasil temu bual dan soal selidik ini akan dapat memberikan gambaran yang dikehendaki dan bukti untuk tujuan huraian di samping untuk membuat kesimpulan bagi kajian ini.

Setelah pengenalpastian permasalahan diperolehi, kajian ditumpukan kepada usaha-usaha mencari dan mengumpul maklumat daripada bahan-bahan bacaan seperti jurnal, buku, dan kajian-kajian ilmiah. Proses mencari dan mengumpul maklumat ini meliputi maklumat tentang kesalahan bahasa, pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan karangan dan teori linguistik yang difikirkan sesuai untuk diterapkan dalam kajian ini.

Selepas usaha-usaha mencari dan mengumpul maklumat dijalankan dan teori yang ingin dijadikan asas dalam kajian ini diperolehi, kajian ini diteruskan dengan tugas memilih dan membentuk sampel. Untuk maksud pemilihan dan pembentukan

sampel, kajian telah memilih seramai lapan puluh orang pelajar sekolah yang dijadikan sampel dalam kajian ini. Sampel yang dipilih dibahagikan kepada dua kumpulan dan setiap satu kumpulan terdiri daripada empat puluh orang pelajar.

Sampel dalam kumpulan pertama adalah sampel yang dikawal. Sampel yang dikawal. Ini bermaksud sampel tersebut diberikan pendedahan secara sedar terhadap kriteria-kriteria yang dijadikan asas teori dalam kajian ini. Ini juga bermakna semasa pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu di bilik darjah, kriteria-kriteria seperti tautan, kepaduan makna, topik pembicaraan, idea terpenting, dan penulisan berdasarkan proposisi diajar secara sedar kepada para pelajar yang menjadi sampel kumpulan pertama ini. Oleh demikian, bersesuaian dengan pemilihan kriteria tersebut sebagai wawasan yang ingin diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu di peringkat sekolah, kajian menamakan sampel kumpulan pertama ini sebagai Sampel Wawasan.

Sementara itu, sampel kumpulan kedua yang juga terdiri daripada empat puluh orang pelajar juga. Sampel ini tidak mengikuti pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan karangan seperti Sampel Wawasan. Sampel kumpulan kedua ini mengikuti pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu di bilik darjah seperti biasa tanpa pendedahan kriteria tautan, kepaduan makna, topik pembicaraan, idea terpenting, dan penulisan berdasarkan proposisi tersebut. Ini bermakna sampel kumpulan kedua ini mengikuti pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan bahasa Melayu di bilik darjah secara konvensional. Oleh demikian, bersesuaian dengan

corak pengajaran dan pembelajaran yang diikuti oleh sampel kumpulan kedua ini, kajian ini menamakan sampel kumpulan kedua ini sebagai Sampel Konvensional.

Kedua-dua kumpulan sampel ini diikuti dan diselia selama lebih kurang satu tahun lapan bulan, iaitu sehingga kedua-dua kumpulan sampel ini menduduki peperiksaan percubaan Sijil Pelajaran Malaysia bagi tahun 1998. Selepas itu, kajian diteruskan dengan usaha-usaha mengumpulkan hasil penulisan karangan bahasa Melayu yang telah ditulis oleh sampel untuk peperiksaan percubaan tersebut. Hasil penulisan karangan kedua-dua sampel ini disemak mengikut jenis karangan terlebih dahulu. Ini adalah kerana skop kajian menetapkan hanya jenis karangan perbincangan sahaja yang akan diteliti dan dianalisis.

Hasil-hasil penulisan karangan kedua-dua kumpulan sampel yang diperolehi diteliti dan dianalisis berdasarkan kriteria-kriteria tautan, kepaduan makna, topik pembicaraan, idea terpenting, dan penulisan berdasarkan proposisi tersebut. Hasil penelitian dan analisis tersebut dikumpulkan untuk dijadikan asas kepada pembinaan rumusan dan kesimpulan dalam kajian ini.

Huraian-huraian berkenaan metodologi dalam kajian ini yang telah dijelaskan seperti di atas memperlihatkan beberapa kaedah penting yang diambil bagi menyiapkan kajian ini, iaitu temu bual, soal selidik, kegiatan pembacaan bahan ilmiah, pemilihan dan pembentukan sampel, pengumpulan hasil penulisan karangan, serta penelitian hasil penulisan karangan sampel berdasarkan kriteria yang menjadi wawasan

dalam kajian ini seperti tautan, kepaduan makna, topik pembicaraan, dan penulisan berdasarkan proposisi. Kaedah-kaedah ini dapat diringkaskan seperti rajah 1:

**RAJAH 1 : METODOLOGI KAJIAN**



## **1.6 SEJARAH RINGKAS KAJIAN BERKAITAN PENGAJARAN DAN PEMELAJARAN BAHASA MELAYU.**

Kajian berkaitan keberkesanan pengajaran dan pemelajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah, khasnya berkenaan kemahiran penulisan karangan pelajar telah banyak dilakukan. Kajian-kajian tersebut mencakupi aspek-aspek seperti aspek kesalahan ejaan, struktur binaan ayat, laras bahasa, metodologi pengajaran dan pemelajaran bahasa Melayu. Kajian-kajian ini didapati saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Hal ini dapat dilihat sebagai suatu usaha yang baik untuk memajukan lagi pengajaran dan pemelajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah.

Nik Safiah Karim ( 1980 ) telah menulis berkenaan masalah pencemaran bahasa Melayu dalam artikelnya yang bertajuk “**Pencemaran Dalam Bahasa Malaysia dan Kesannya Terhadap Pengajaran Bahasa Malaysia** ”. Dalam artikel ini, beliau berpendapat bahawa masalah pencemaran bahasa tersebut haruslah ditangani dengan perancangan yang berkesan. Masalah pencemaran bahasa Melayu ini juga telah dibincangkan dalam rencana yang disusun oleh Awang Sariyan ( 1980 ) dalam kajiannya yang bertajuk “**Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia**”. Dalam rencana tersebut, terdapat beberapa perbincangan mengenai masalah kesalahan bahasa di kalangan mereka yang telah mendapat pendidikan bahasa Melayu secara formal. Selain itu, perbincangan rencana tersebut juga membincangkan beberapa aspek kesalahan bahasa seperti aspek-aspek ejaan, pembentukan kata, dan struktur ayat dalam kemahiran penulisan bahasa Melayu.

Awang Mohamad Amin (1990) telah menghasilkan sebuah kajian yang hampir serupa dengan kajian Awang Sariyan. Kajian beliau yang bertajuk “**Satu Kajian Khusus Penguasaan Bahasa Malaysia Peringkat Sekolah Menengah**” telah mendapati bahawa pelajar sekolah menengah kerap melakukan kesalahan bahasa pada aspek penggunaan imbuhan dan kesalahan penggunaan struktur Ayat Berlapis.

Khairudin Ismail (1997) pula telah membincangkan aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam artikelnya yang bertajuk “**Analisis Binaan Ayat Dalam Penulisan Karangan Pelajar Sekolah Menengah Rendah**”. Dalam artikel ini, beliau telah mengemukakan beberapa kesimpulan berdasarkan penemuan-penemuan

daripada kajian yang dilakukan. Antara kesimpulan-kesimpulan yang telah dibuat oleh beliau seperti pelajar sekolah menengah rendah lebih gemar membina ayat majmuk campuran dan ayat pancangan relatif dalam menghasilkan penulisan karangan bahasa Melayu. Selain itu, berdasarkan kajian tersebut, Khairudin Ismail mendapati pelajar sekolah menengah rendah secara puratanya menggunakan sebanyak enam belas ayat untuk menghasilkan sesebuah penulisan karangan.

Kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji di atas berfokuskan kepada tatabahasa Sturktural dan tatabahasa Transformasi Generatif. Ini kerana kajian-kajian mereka tertumpu pada aspek-aspek seperti struktur ayat, binaan ayat, pembentukan kata, dan jenis-jenis ayat.

Khatijah Abdul Hamid (1996) telah mengemukakan perbincangan yang berbeza dengan perbincangan seperti yang terdapat pada kajian-kajian pengkaji di atas. Beliau telah mengemukakan perbincangan yang berasaskan pendekatan wacana dengan tumpuan kepada aspek kohesi dan koherensi. Dalam perbincangan kajiannya, beliau berpendapat bahawa kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu pelajar sekolah adalah lemah. Oleh demikian, beliau menyarankan agar pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu harus menerapkan pengajaran pertautan secara sedar. Perbincangan Khatijah Abdul Hamid ini merupakan lanjutan daripada perbincangan di dalam dersetasinya yang bertajuk **“Analisis Penguasaan Sintaksis Dalam Karangan Murid-Murid Tingkatan Empat Di Sebuah Sekolah Menengah”**.  
Khatijah Abdul Hamid ( 1998 ) telah melanjutkan lagi perbincangannya yang menyentuh

kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu pelajar sekolah. Dalam penelitian kali ini,

Khatijah Abdul Hamid mendapati bahawa:

*Di sekolah, kebanyakan guru Bahasa Melayu mengajarkan imbuhan dan sintaksis bahasa Melayu dengan latihan penggunaan imbuhan dan pembinaan ayat secara terpisah berdasarkan perkataan yang diberikan sedangkan proses pembinaan ayat secara berperingkat dan bersepadu serta berkesinambungan tidak begitu diberikan perhatian (Khatijah Abdul Hamid, 1998:634).*

Berdasarkan permasalahan di atas, Khatijah Abdul Hamid telah memberikan saranan seperti berikut:

*Di samping itu, guru bahasa perlu juga memberikan tunjuk ajar tentang kandungan, kesatuan, dan gaya persembahan yang tepat dan sesuai dengan tajuk karangan ketika mengajarkan kemahiran menulis karangan kepada pelajar mereka sama ada di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah, dan seterusnya mengajarkan pembinaan ayat yang gramatis dengan perkaitan semantik antara ayat dengan ayat dan perenggan dengan perenggan supaya para pelajar berkemampuan untuk menghasilkan karangan yang kohesif dan koheren (Khatijah Abdul Hamid, 1998:640 ).*



Selain itu, Normah Abdullah dan Che Mohd Arif Che Mohd Yusoff (1997) juga telah melakukan kajian berlandaskan analisis wacana. Kajian mereka tertumpu kepada aspek penanda wacana. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati antara beberapa penanda wacana yang kerap digunakan adalah seperti *dan, untuk, kerana, atau / ataupun, jika, oleh itu, selain itu, tetapi, supaya, dan walaupun*. Pengkaji juga telah membahagikan penanda wacana kepada empat kumpulan dalam kajian mereka seperti penanda wacana bagi *menunjukkan maksud tambahan, menunjukkan maksud sebaliknya, menunjukkan maksud sebab, dan menunjukkan maksud ketika*. Selain itu, menerusi kajian ini pengkaji telah menilai minat sampel terhadap kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu. Keputusan penilaian yang diperolehi oleh beliau menunjukkan 10% sampel sangat berminat, 57% sampel berminat dan 37% sampel kurang berminat terhadap kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu.

Izani Daud ( 1998 ) telah turut melakukan kajian terhadap kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu pelajar sekolah pada peringkat menengah atas. Bagaimanapun, kajian beliau ini tertumpu kepada aspek kemahiran merumus karangan. Kajian beliau ini menemui sepuluh sebab atau aspek yang membawa kepada kegagalan pelajar merumus karangan dengan baik, iaitu:

- a. pembukaan karangan yang disalin terus daripada soalan petikan,
- b. isi tersurat yang disalin terus daripada petikan asal,
- c. kekurangan isi tersirat,
- d. pemesongan isi,

- e. huraian yang berlebihan terhadap sesuatu situasi,
- f. pemilihan leksikal yang tidak tepat,
- g. ayat kabur dan tidak gramatis,
- h. isi yang bercampur aduk dan mengelirukan,
- i. pengabaian penggunaan penanda wacana dalam penulisan, dan
- j. tiada penutup karangan.
- k.

Di samping desertasi Khatijah Abdul Hamid di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, terdapat lagi beberapa desertasi Sarjana Pendidikan yang bersangkutan dengan aspek pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu yang berdasarkan teori analisis wacana ini. Antaranya, Mohd Isa Osman (1996) telah menyiapkan desertasi Sarjana Pendidikan dengan mengkaji kemahiran penulisan pelajar. Beliau telah meneliti penggunaan penanda wacana dalam kemahiran penulisan murid-murid Tahun Enam di bangku sekolah rendah. Selain itu, Abdul Jalil Othman (1997) telah menyiapkan desertasi Sarjana Pendidikannya dengan meneliti kesan daripada teknik penggabungan ayat terhadap tautan dalam karangan bahasa Melayu. *Desertasi beliau ini mengambil sampel pelajar di Tingkatan Satu.*

Kajian-kajian yang ditinjau dan telah dijelaskan seperti di atas memperlihatkan seolah-olah ada satu usaha saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Hal ini jelas kerana terdapat dua aliran yang berbeza, iaitu aliran struktural dan analisis wacana yang telah dijadikan asas dalam penelitian terhadap kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu di peringkat sekolah. Perkembangan ini dilihat sebagai satu

perkembangan yang positif kerana perkembangan ini boleh memantapkan lagi kaedah pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu di bilik darjah.